KERTAS MODEL 1

# UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

## Tingkatan 3

## Sejarah [21]

2 jam

| | |
|---|---|
| **Nama** | |
| **No. Kad Pengenalan** | |
| **Kelas** | |

**ARAHAN:**

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama, nombor kad pengenalan dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
4. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pemeriksa: | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A | 1 – 20 | 20 | |
| B | 1 | 10 | |
| | 2 | 10 | |
| | 3 | 10 | |
| | 4 | 10 | |
| C | 1 | 20 | |
| | 2 | 20 | |
| **Jumlah** | | **80** | |

Scanned with AnyScanner

## Bahagian A
[20 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan*.

**1.** Apakah negeri yang mengamalkan sistem pemerintahan berikut?

| Sistem pemerintahan tradisional | | |
|---|---|---|
| Sistem Kesukuan | Sistem Kesultanan | Sistem Ketua Bebas |

**A** Sabah
**B** Sarawak
**C** Kelantan
**D** Negeri Sembilan

**2.** Senarai berikut menunjukkan sistem timbangan yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional.

- Saga
- Mayam
- Bungkal

Apakah barang dagangan yang ditimbang menggunakan sistem timbangan tersebut?
**A** Emas
**B** Arang batu
**C** Rempah-ratus
**D** Sayur-sayuran

**3.** Apakah peristiwa yang dimanipulasikan oleh Stamford Raffles untuk membolehkan beliau menduduki Singapura?



**A** Lokasi Singapura
**B** Kemerosotan Johor
**C** Kelemahan Belanda
**D** Pewarisan takhta Johor

**4.** Maklumat berikut berkaitan dengan Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat.

> Mohammad Eunos Abdullah merupakan orang Melayu pertama dilantik menganggotai Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat.

Apakah peranan Majlis Perundangan tersebut?
**A** Mengutip cukai negeri
**B** Meluluskan undang-undang
**C** Menguruskan hal pentadbiran
**D** Menyelesaikan masalah orang Melayu

**5.** Apakah hasil yang dilombong di Jugra dan Lukut?
**A** Emas
**B** Perak
**C** Bauksit
**D** Bijih timah

**6.** Apakah kesan Perjanjian Pangkor terhadap pentadbiran Perak?
**A** Sultan diturunkan takhta
**B** British menguasai pungutan cukai
**C** Warisan Kesultanan Perak runtuh
**D** Menjadi tanah jajahan mahkota British

**7.** Apakah faktor pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896?
I Menyeragamkan pentadbiran
II Mengatasi kelemahan Sistem Residen
III Memelihara kedudukan Raja-raja Melayu
IV Memajukan ekonomi negeri-negeri Melayu
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV



Scanned with AnyScanner

8. Apakah aspek pemodenan yang diperkenalkan oleh Maharaja Abu Bakar di Johor?
   - I Pengukuhan ekonomi
   - II Pembahagian wilayah
   - III Kemajuan pelancongan
   - IV Sistem pentadbiran moden

   **A** I dan II  **C** II dan III
   **B** I dan IV  **D** III dan IV

9. Bagaimanakah pihak British menghadapi perkembangan berikut?

   | |
   |---|
   | Kuasa Eropah seperti Jerman, Perancis dan Rusia cuba meluaskan kuasanya di Negeri-negeri Melayu Utara. |

   **A** Memperbesar angkatan laut
   **B** Menguasai negeri-negeri Melayu
   **C** Melaksanakan konsep Beban Orang Putih
   **D** Membentuk pakatan dengan Raja Melayu

10. Apakah yang hendak dicapai oleh British melalui Perjanjian Sulit 1897?
   **A** Memajukan ekonomi
   **B** Mewujudkan keamanan
   **C** Menetapkan sempadan negeri
   **D** Mengukuhkan hubungan dengan Siam

11. Mengapakah wujud pemerintahan Ketua Bebas di Sabah?
   **A** Reaksi kepada kedatangan kuasa Barat
   **B** Warisan pemerintahan Kesultanan Brunei
   **C** Kelemahan pengaruh Kesultanan Brunei dan Sulu
   **D** Peningkatan kuasa dan pengaruh pembesar tempatan

12. Apakah muslihat James Brooke membantu Pengiran Raja Muda Hashim menamatkan kebangkitan di Sarawak?
   **A** Menguasai Sarawak
   **B** Menegakkan keadilan
   **C** Memelihara keamanan
   **D** Menjalinkan hubungan

13. Mengapakah ekonomi moden memperlihatkan pengeluaran dalam skala yang besar?
   **A** Berorientasikan eksport
   **B** Menjamin pasaran tempatan
   **C** Menggunakan tanah yang luas
   **D** Melibatkan tenaga buruh yang ramai

14. Apakah tujuan Land Settlement Order 1933 dikuatkuasakan oleh kerajaan Brooke di Sarawak?
   **A** Menjaga hak istimewa peribumi
   **B** Melindungi kepentingan pelabur British
   **C** Memudahkan urusan pentadbiran tanah
   **D** Memelihara kepentingan keluarga Brooke

15. Mengapakah tindakan British membina balai polis di Lubuk Terua menimbulkan kemarahan Dato' Bahaman?
   **A** Pembinaan balai polis membazir
   **B** Kuasa beliau sebagai pembesar tercabar
   **C** Lubuk Terua tidak memerlukan balai polis
   **D** Melucut jawatan beliau sebagai Orang Kaya

16. Apakah persamaan faktor penentangan Dol Said dan Tok Janggut?
   **A** Kutipan cukai
   **B** Perundangan
   **C** Layanan buruk
   **D** Kehilangan jawatan


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Scanned with AnyScanner

**17.** Mengapakah penduduk di Pasir Puteh, Kelantan sukar untuk membayar cukai?

I Kadar cukai yang tinggi
II Pejabat bayaran terletak jauh
III Waktu operasi pejabat tidak sesuai
IV Tidak memahami tujuan cukai dikenakan

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**18.** Mengapakah gerakan kebangkitan masyarakat tempatan menentang kuasa British menemui kegagalan?

**A** Kelemahan strategi
**B** Hubungan British-Belanda
**C** Rakyat tidak bersatu hati
**D** Tidak mendapat sokongan

**19.** Mengapakah Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882 – 1943) digelar "Bapa Kedah Moden"?

**A** Melaksanakan pembangunan
**B** Memelihara kedaulatan negeri
**C** Mewujudkan perpaduan rakyat
**D** Mengamalkan sistem birokrasi Barat

**20.** Gambar menunjukkan Sultan Muhammad II



Apakah faktor yang menyebabkan baginda diturunkan takhta negeri Terengganu?

**A** Pemerintahan baginda kurang cekap
**B** Menghalang dasar British di Terengganu
**C** Terengganu enggan menerima Penasihat British
**D** Penerimaan Penasihat British dianggap bertentangan dengan adat Melayu

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



Scanned with AnyScanner

## Bahagian B

[40 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan*.

*Untuk Kegunaan Pemeriksa*

1. Maklumat berikut berkaitan dengan Perjanjian London 1824.

| | |
|---|---|
| **Tarikh** | 17 Mac 1824 |
| **Tempat** | London, England |
| **Pihak terlibat** | British dan Belanda |
| **Kandungan perjanjian** | Wilayah pengaruh, kewangan dan perdagangan |

(a) Nyatakan **tiga** kesan Perjanjian London 1824 terhadap Alam Melayu.

(i) ______________________________

______________________________

(ii) ______________________________

______________________________

(iii) ______________________________

______________________________

[3 *markah*]

(b) Nyatakan **tiga** faktor yang membolehkan British menguasai Selat Melaka pada abad ke-19.

(i) ______________________________

(ii) ______________________________

(iii) ______________________________

[3 *markah*]

(c) Jelaskan iktibar yang diperoleh daripada Perjanjian London 1824.

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[4 *markah*]



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Scanned with AnyScanner

*Untuk Kegunaan Pemeriksa*

**2.** Gambar berikut berkaitan dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang juga dikenali sebagai Persekutuan 1896.



(a) Jelaskan **tiga** ciri utama pentadbiran Persekutuan 1896.

(i) ______________________________

(ii) ______________________________

(iii) ______________________________

[3 *markah*]

(b) Nyatakan **tiga** faktor British membentuk Persekutuan 1896.

(i) ______________________________

(ii) ______________________________

(iii) ______________________________

[3 *markah*]

(c) Terangkan usaha yang dapat dilakukan oleh rakyat bagi memastikan kuasa Raja-raja Melayu tidak terhakis dalam Persekutuan 1896.

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[4 *markah*]

Scanned with AnyScanner

Untuk Kegunaan Pemeriksa

4. Gambar berikut menunjukkan Durbar di Kuala Lumpur pada tahun 1903.



(a) Nyatakan **tiga** tuntutan yang dikemukakan oleh Raja-raja Melayu kepada British dalam Durbar pada tahun 1903.

(i) ____________________

(ii) ____________________

(iii) ____________________

[3 *markah*]

(b) Jelaskan **tiga** usaha pemerintah dan pembesar negeri Kedah mempertahankan hak dan identiti negeri selepas pengenalan Sistem Penasihat.

(i) ____________________

____________________

(ii) ____________________

____________________

(iii) ____________________

____________________

[3 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, apakah kepentingan usaha mempertahankan identiti negara?

____________________

____________________

____________________

____________________

____________________

____________________

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



Scanned with AnyScanner

## Bahagian C

[20 *markah*]

*Jawab mana-mana* **satu** *soalan daripada bahagian ini.*

*Untuk Kegunaan Pemeriksa*

(a) Jelaskan penentangan Sharif Masahor di Sarawak dari aspek berikut:

(i) Sebab penentangan

______________________________

______________________________

[3 *markah*]

(ii) Peristiwa penentangan

______________________________

______________________________

[3 *markah*]

(b) Terangkan peristiwa penentangan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu.

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[6 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, apakah kesan jika rakyat Malaysia tidak memiliki semangat nasionalisme yang mendalam?

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[8 *markah*]



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Scanned with AnyScanner

*Untuk Kegunaan Pemeriksa*

**2.** (a) Jelaskan peluasan kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu berdasarkan faktor berikut:

(i) Menghalang kemasukan kuasa Barat lain

__________________________________________________

__________________________________________________

__________________________________________________

[3 *markah*]

(ii) Kemakmuran dan kekayaan sumber hasil

__________________________________________________

__________________________________________________

__________________________________________________

[3 *markah*]

(b) Berdasarkan gambar berikut, terangkan rentetan peristiwa Perjanjian Bangkok 1909.


1033

*Perjanjian Bangkok 1909*



*Putera Devawongse Varaprakar*

__________________________________________________

__________________________________________________

__________________________________________________

__________________________________________________

__________________________________________________

__________________________________________________

__________________________________________________

__________________________________________________

__________________________________________________

__________________________________________________

[6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



Scanned with AnyScanner

Untuk Kegunaan Pemeriksa

(c) Pada pendapat anda, mengapakah British menggunakan strategi perjanjian untuk meluaskan kuasanya di Negeri-negeri Melayu Utara?

[8 markah]



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Scanned with AnyScanner